# KATA PENGANTAR

بسم الله الرحمن الرحيم

Kajian ini merupakan satu latihan ilmiah bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda, Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

Disini dipaparkan kajian mengenai Konsep dan Sumbangan YPEIM Terhadap Ekonomi Umat Islam di Malaysia dengan menerangkan secara ringkas pengertian ekonomi Islam, keadaan ekonomi Umat Islam di Malaysia, peranan dan sumbangan-sumbangan YPEIM.

Bab I : Penulis telah memulakan penulisannya dengan memaparkan tentang kelebihan bersedekah, pengertian ekonomi Islam dan keadaan ekonomi umat Islam di Malaysia. Disini juga penulis menerangkan tentang pemilihan judul, methodologi dan penyusunan kertas projek ini.

Bab II : Dalam bab ini penulis secara terperincinya menerangkan tentang sejarah penubuhan YPEIM, matlamat, fungsi-fungsi dan aktiviti-aktivitinya.

Bab III : Dalam Bab ini penulis mengemukakan secara panjang lebar mengenai metode-metode yang digunakan dalam menyiapkan kertas projek ini.

Bab IV : Merupakan bab terpenting kerana disini di kemukakan segala data setelah dibuat kajian mengenai konsep dan sumbangan YPEIM.

Bab V : Ini merupakan bab terakhir dalam penulisan ini dan dalam bab ini penulis telah membuat beberapa kesimpulan dan juga saranan yang dirasakan perlu demi mempertingkatkan lagi prestasi perjalanan YPEIM.

Dalam pengkajian ulung ini, penulis tentunya menghadapi beberapa masalah tentang kesuntukan masa dan untuk mendapatkan data-data. Walaubagaimanapun sekadar yang ada penulis cuba juga mendapatkannya untuk menyiapkan kertas projek ini.

Walaupun tidak selengkap dan sempurna sepertimana yang diharapkan, namun ianya amat berharga buat penulis bagi membuka jalan untuk membuat pengkajian yang lebih lanjut. Segala

kekurangan yang ada merupakan menefestasi kelemahan penulis sendiri, dan kebaikan serta kelebihannya merupakan tunjuk ajar dari pihak tertentu berserta inayah dari Allah S.W.t.

Akhirnya dengan nama Allah penulis memohon taufik dan hidayahNya semoga kajian ini ada manafaatnya untuk penulis dan kita semua. Insyaallah.

<u>18hb Januari 1990.</u>

Kuala Lumpur.

Penulis.

## PENGHARGAAN.

بسم الله الرحمن الرحيم

أن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستهديه ونستغفره،

ونعوذ بالله من شرور انفسنا ومن سيئات اعمالنا.

من يهد الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له،

واشهد ان لا اله الا الله وحده لا شريك له، واشهد ان

محمدا عبده ورسوله، اما بعد :

Pertama-tamanya setinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat penulis menyiapkan kertas projek ini walaupun dalam bentuk yang tidak begitu memuaskan.

Sebenarnya pengkajian ini bukan lah suatu yang mudah untuk disiapkan. Banyak masa, tenaga dan biaya yang terpaksa dikorbankan. Begitupun penulis tentu tidak dapat menyiapkan kajian in tanpa adanya bantuan dari orang-orang yang tertentu.

Disini penulis ingin merakamkan setingi-tinggi ucapan terima kasihnya kepada penyelia kertas projek ini iaitu Ust. Fauzi b. Deraman diatas segala tunjuk ajar beliau kepada penulis. Semuga segala keikhlasan beliau akan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah S.W.T. Segala tenaga dan masa yang telah diperuntukkannya adalah amat dihargai oleh penulis.

Disini juga penulis ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Awam, Pusat Islam, Kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya dan kakitangan Pusat Komputer, Universiti Malaya, kerana telah memberi kemudahan kepada penulis dalam menyiapkan kertas projek ini.

Disamping itu tidak ketinggalan juga penghargaan penulis kepada pengarah YPEIM iaitu En. Ismail bin Basri, serta kakitangannya yang sudi memberi kerjasama dalam memberi data dan maklumat kepada penulis.

Akhir sekali penulis juga merakamkan penghargaan khusus buat kedua ibubapa yang sentiasa memahami tugas dan tanggungjawab penulis, juga kepada teman-teman penulis yang banyak membantu.

Semuga semuanya mendapat ganjaran dari Allah S.W.T. AMIN.

E.SHAMSUDDIN B. IBRAHIM
Fakulti Usuluddin
Akademi Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

18hb Januari 1990.